



15 Ogos 2023
15 August 2023
P.U. (A) 240

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN
(PENGEQUALIAN) 2023

INCOME TAX (EXEMPTION) ORDER 2023

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECCUALIAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2023**.

(2) Perintah ini disifatkan telah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2021.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“aktiviti yang layak” ertinya suatu aktiviti pengilangan baharu yang dijalankan oleh suatu syarikat yang layak tetapi tidak termasuk mana-mana aktiviti yang dinyatakan dalam Jadual;

“Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia” ertinya Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 [*Akta 397*];

“syarikat berkaitan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*];

“syarikat sedia ada” ertinya suatu syarikat yang—

(a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] dan bermastautin di Malaysia;

(b) mempunyai operasi pengilangan sedia ada di Malaysia; dan

- (c) menempatkan semula operasi pengilangannya ke Malaysia bagi perniagaan baharu yang keluaran daripada perniagaan baharu itu bukan projek pembesaran bagi keluaran sedia ada;

“syarikat yang layak” ertinya suatu syarikat sedia ada yang layak mendapat pengecualian di bawah subperenggan 3(1).

Pengecualian

3. (1) Menteri mengecualikan suatu syarikat yang layak dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada aktiviti yang layak, yang bersamaan dengan amaun perbelanjaan modal yang layak yang dibuat oleh syarikat yang layak dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

(2) Sesuatu permohonan bagi pengecualian di bawah subperenggan (1) hendaklah—

(a) dibuat secara bertulis oleh syarikat yang layak dan diterima oleh Menteri melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia pada atau selepas 1 Julai 2020 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2024; dan

(b) mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Menteri.

(3) Pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan (1) menurut permohonan yang disebut dalam subperenggan (2) adalah tertakluk kepada syarikat yang layak itu mematuhi semua syarat yang dikenakan oleh Menteri berhubung dengan pengecualian itu sebagaimana yang dinyatakan dalam surat kelulusan, yang hendaklah termasuk seperti yang berikut:

(a) melakukan amaun minimum pelaburan dalam harta tetap tidak termasuk tanah melebihi tiga ratus juta ringgit (RM300,000,000.00)

dalam tempoh tiga tahun dari tarikh perbelanjaan modal yang layak yang pertama yang dibuat; dan

- (b) menggaji sekurang-kurangnya lapan puluh peratus pekerja sepenuh masa warganegara Malaysia pada atau sebelum tahun ketiga dari tarikh invois pertama berhubung dengan aktiviti yang layak dikeluarkan oleh syarikat yang layak itu sehingga tamat tempoh pengecualian.

(4) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1) adalah bagi tempoh lima tahun berturut-turut (selepas ini disebut sebagai “tempoh pengecualian”) bermula dari tarikh perbelanjaan modal yang layak yang pertama dibuat oleh syarikat yang layak, sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

(5) Tarikh perbelanjaan modal yang layak yang pertama yang dibuat oleh syarikat yang layak hendaklah tidak boleh lebih awal dari 1 Julai 2020.

(6) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan syarikat yang layak itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain, di bawah Akta.

(7) Jika syarikat yang layak telah diberikan pengecualian di bawah subperenggan (1), mana-mana syarikat berkaitan kepada syarikat itu tidak layak mendapat pengecualian di bawah subperenggan (1) berkenaan dengan aktiviti yang layak yang sama.

Perbelanjaan modal yang layak

4. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), perbelanjaan modal yang layak yang disebut dalam Perintah ini ialah perbelanjaan modal yang dilakukan oleh suatu syarikat yang layak berhubung dengan suatu kilang, jentera atau loji yang digunakan di Malaysia semata-mata bagi maksud menjalankan aktiviti yang layak.

(2) Perbelanjaan modal yang layak yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas—

(a) mana-mana bangunan yang digunakan sebagai tempat tinggal; atau

(b) mana-mana jentera atau loji yang disediakan secara keseluruhannya atau sebahagiannya bagi kegunaan pengarah atau individu yang merupakan anggota pengurusan atau pentadbiran, atau pekerja perkeranian, bagi syarikat yang layak itu.

Pendapatan berkanun

5. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan 3(1) dalam tempoh asas bagi setiap tahun taksiran hendaklah ditentukan selepas memotong elaun yang boleh diberikan di bawah Jadual 3 kepada Akta walaupun tiada tuntutan bagi elaun itu telah dibuat.

(2) Jika suatu kilang, jentera atau loji digunakan bagi maksud suatu aktiviti yang layak juga digunakan bagi maksud suatu aktiviti selain aktiviti yang layak itu, maka amaun elaun yang boleh diberikan di bawah Jadual 3 kepada Akta hendaklah dipotong sebagaimana yang munasabah dengan mengambil kira setakat yang kilang, jentera atau loji itu digunakan bagi maksud aktiviti yang layak.

(3) Jika pengecualian diberikan kepada syarikat yang layak di bawah subperenggan 3(1) bagi suatu tahun taksiran, suatu amaun yang bersamaan dengan amaun perbelanjaan modal yang layak yang disebut dalam subperenggan 5(1) hendaklah dikecualikan daripada cukai bagi tahun taksiran itu.

(4) Jika, oleh sebab ketiadaan atau ketidakcukupan pendapatan berkanun syarikat yang layak daripada aktiviti yang layak, pengecualian tidak boleh diberikan atau tidak boleh diberikan sepenuhnya sebagaimana yang syarikat yang layak itu berhak di bawah subperenggan 3(1) bagi tahun taksiran itu, maka sekian banyak daripada amaun yang tidak boleh dikecualikan bagi tahun taksiran itu hendaklah disifatkan sebagai perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan bagi maksud subperenggan 3(1)

bagi tahun taksiran pertama yang berikutnya dan demikianlah seterusnya bagi tahun-tahun taksiran yang berikutnya sehinggalah semua amaun yang ia berhak dikecualikan.

Pelupusan kilang, jentera atau loji dalam tempoh lima tahun

6. Jika perbelanjaan modal yang layak dilakukan oleh suatu syarikat yang layak ke atas kilang, jentera atau loji yang digunakan bagi maksud suatu aktiviti yang layak dan kilang, jentera atau loji itu dilupuskan pada bila-bila masa dalam tempoh lima tahun dari tarikh perolehan kilang, jentera atau loji itu, pengecualian yang diberikan berkenaan dengan amaun pendapatan berkanun yang bersamaan dengan amaun elaun bagi perbelanjaan modal yang layak itu hendaklah ditarik balik dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang kilang, jentera atau loji itu dilupuskan.

Penentuan perbelanjaan modal yang layak bagi kilang, jentera atau loji yang dilupuskan kepada syarikat berkaitan

7. Jika syarikat yang layak melupuskan kepada syarikat berkaitannya apa-apa kilang, jentera atau loji yang berkenaan dengannya pengecualian itu dimohon oleh syarikat yang layak di bawah Perintah ini, amaun perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan oleh syarikat berkaitan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu jumlah yang bersamaan dengan sifar.

Penarikan balik pengecualian

8. (1) Menteri boleh menarik balik pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan 3(1) sekiranya syarikat yang layak gagal mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan berhubung dengan pengecualian dalam mana-mana tahun taksiran dalam tempoh pengecualian.

(2) Jika pengecualian ditarik balik mengikut subperenggan (1), pengecualian yang diberikan berkenaan dengan apa-apa amaun pendapatan berkanun di bawah subperenggan 3(1) hendaklah disifatkan tidak diberikan kepada syarikat yang layak itu.

(3) Walau apa pun subperenggan (1) dan (2), jika dalam mana-mana tahun taksiran dalam tempoh pengecualian, syarikat yang layak gagal mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan berhubung dengan pengecualian, perenggan 3 tidak terpakai.

Penyerahan pengecualian

9. (1) Menteri boleh, pada bila-bila masa, kecuali jika syarikat yang layak gagal mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan berhubung dengan pengecualian, membenarkan syarikat yang layak untuk menyerahkan pengecualian yang diberikan di bawah Perintah ini melalui notis secara bertulis kepada Menteri melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

(2) Penyerahan pengecualian hendaklah berkuat kuasa pada hari pertama dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang permohonan bagi penyerahan pengecualian itu diterima oleh Menteri melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

Punca berasingan dan akaun berasingan

10. (1) Jika syarikat yang layak menjalankan suatu aktiviti yang layak dan aktiviti selain aktiviti yang layak, setiap aktiviti hendaklah dikira sebagai suatu punca aktiviti berasingan dan berlainan bagi syarikat yang layak itu.

(2) Syarikat yang layak yang diberikan pengecualian di bawah subperenggan 3(1) hendaklah menyenggara suatu akaun yang berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada setiap aktiviti yang disebut dalam subperenggan (1).

Ketidakpakaian

11. Perintah ini tidak terpakai bagi suatu syarikat yang layak yang dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran—

(a) telah membuat suatu tuntutan bagi elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A kepada Akta atau elaun pelaburan bagi sektor perkhidmatan di bawah Jadual 7B kepada Akta;

- (b) telah diberikan apa-apa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 berkenaan dengan aktiviti yang layak yang sama;
- (c) telah diberikan pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) Akta berkenaan dengan aktiviti yang layak yang sama;
- (d) telah diluluskan oleh Menteri suatu skim insentif di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 Akta; atau
- (e) telah membuat suatu tuntutan bagi suatu potongan di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 Akta kecuali—
- (i) kaedah-kaedah berhubung dengan elaun di bawah Jadual 3 kepada Akta;
- (ii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Audit) 2006 [*P.U. (A) 129/2006*]; atau
- (iii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2020 [*P.U. (A) 162/2020*].

JADUAL
[Perenggan 2]

(1) Bil.	(2) Industri	(3) Bukan aktiviti yang layak
1.	Besi dan keluli	Semua produk untuk besi dan keluli yang dianggap sensitif kecuali keluaran yang disenaraikan dalam aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan

(1) Bil.	(2) Industri	(3) Bukan aktiviti yang layak
		di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 di bawah kategori pengilangan besi dan keluli, dan pengilangan logam bukan ferus dan keluarannya
2.	Jentera dan peralatan	Senjata dan peluru
3.	Elektrikal	Keluaran elektrik yang dibekalkan untuk menjana kuasa bagi kegunaan Tenaga Nasional Berhad dan Petronas seperti kabel am, harnes dawai, papan agihan, panel kawalan, radas pensuisan, transformer
4.	Minuman dan tembakau	<p>(a) Likuor dan minuman beralkohol</p> <p>(b) Tembakau dan keluaran tembakau termasuk rokok</p> <p>(c) Minuman</p>
5.	Minyak kelapa sawit	Pengisaran dan penapisan minyak kelapa sawit
6.	Pengilangan makanan	(a) Pengeluaran keluaran makanan yang hanya melibatkan campuran, adunan dan masakan seperti sos, pes, keluaran makanan pracampur

(1) Bil.	(2) Industri	(3) Bukan aktiviti yang layak
		<p><i>(b)</i> Gula</p> <p><i>(c)</i> Pengetinan nenas</p>
7.	Kertas, percetakan dan penerbitan	<p><i>(a)</i> Pembungkusan berasaskan kertas daripada bahan kertas buangan kecuali papan dupleks disalut</p> <p><i>(b)</i> Percetakan dan penerbitan</p>
8.	Kayu dan keluaran kayu	Keluaran berasaskan kayu termasuk perabot, papan lapis, kayu digergaji dan lain-lain
9.	Automotif atau kenderaan bermotor	<p><i>(a)</i> Pengilangan semula atau pemulihan semula atau pemasangan semula kenderaan bermotor dan komponen yang berkaitan</p> <p><i>(b)</i> Kenderaan bukan cekap tenaga</p>
10.	Aeroangkasa untuk pemakaian ketenteraan atau pertahanan	Dron dan roket keluaran berkaitan aeroangkasa untuk pemakaian ketenteraan atau pertahanan (Bukan segmen komersial)

(1) Bil.	(2) Industri	(3) Bukan aktiviti yang layak
11.	Petroleum	Kilang penapis minyak petroleum mentah
12.	Getah	Tayar kereta penumpang
13.	Plastik	Produk plastik am seperti beg plastik, botol
14.	Pembinaan	<p>Pengilangan bahan pembinaan kecuali keluaran yang berikut:</p> <p>(a) Sistem Bangunan Industri</p> <p>(b) Panel</p> <p>(c) Papan</p> <p>(d) Jubin</p> <p>(e) Blok atau barang yang serupa daripada gentian semula jadi dan gentian sintetik yang dicampur simen, plaster atau bahan pengikat mineral lain</p>
15.	Tekstil	<p>Keluaran tekstil kecuali aktiviti yang berikut:</p> <p>(a) Gentian asli atau buatan manusia</p>

(1) Bil.	(2) Industri	(3) Bukan aktiviti yang layak
		<p><i>(b)</i> Benang gentian asli atau buatan manusia</p> <p><i>(c)</i> Fabrik tenun</p> <p><i>(d)</i> Fabrik kait</p> <p><i>(e)</i> Fabrik bukan tenun</p> <p><i>(f)</i> Kemasan fabrik seperti pelunturan, pewarnaan dan percetakan</p> <p><i>(g)</i> Pakaian khusus</p> <p><i>(h)</i> Tekstil teknikal atau tekstil fungsian dan keluaran tekstil</p>
16.	Semua	<p><i>(a)</i> Kitar semula apa-apa jenis sisa</p> <p><i>(b)</i> Sarung tangan</p>

Dibuat 8 Ogos 2023

[Perb.MOF.TAX(S)700-2/1/106; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-154; PN(PU2)80/JLD.109]

ANWAR BIN IBRAHIM
Menteri Kewangan

[*Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4)
Akta Cukai Pendapatan 1967*]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) ORDER 2023

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) Order 2023**.

(2) This Order is deemed to have effect from the year of assessment 2021.

Interpretation

2. In this Order—

“qualifying activity” means a new manufacturing activity undertaken by a qualifying company but does not include any activity specified in the Schedule;

“Malaysian Investment Development Authority” means the Malaysian Investment Development Authority established under the Malaysian Investment Development Authority (Incorporation) Act 1965 [Act 397];

“related company” has the same meaning assigned to it in subsection 2(1) of the Promotion of Investments Act 1986 [Act 327];

“existing company” means a company which—

(a) is incorporated under the Companies Act 2016 [Act 777] and resident in Malaysia;

(b) has an existing manufacturing operation in Malaysia; and

- (c)* relocate its manufacturing operations to Malaysia for a new business where the product from the new business is not an expansion project for the existing product;

“qualifying company” means an existing company which qualify for exemption under subparagraph 3(1).

Exemption

3. (1) The Minister exempts a qualifying company in the basis period for a year of assessment from the payment of income tax in respect of statutory income derived from a qualifying activity, which is equivalent to the amount of the qualifying capital expenditure made by the qualifying company in the basis period for that year of assessment.

(2) An application for exemption under subparagraph (1) shall—

(a) be made in writing by a qualifying company and received by the Minister through the Malaysian Investment Development Authority on or after 1 July 2020 but not later than 31 December 2024; and

(b) comply with the conditions imposed by the Minister.

(3) An exemption granted under subparagraph (1) pursuant to the application referred to in subparagraph (2) is subject to the qualifying company complying with all the conditions imposed by the Minister in relation to the exemption as specified in the approval letter, which shall include the following:

(a) incurs the minimum amount of investment in fixed asset excluding land of more than three hundred million ringgit (RM300,000,000.00) within three years from the date of the first qualifying capital expenditure made; and

(b) employs at least eighty per cent full-time Malaysian employees on or before the third year from the date of the first invoice in relation to the qualifying activity issued by the qualifying company until the exemption period ends.

(4) The exemption referred to in subparagraph (1) shall be for a period of five consecutive years (hereinafter referred to as “the exemption period”) commencing from the date of the first qualifying capital expenditure made by the qualifying company, as determined by the Malaysian Investment Development Authority.

(5) The date of the first qualifying capital expenditure made by the qualifying company shall not be earlier than 1 July 2020.

(6) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or be deemed to have absolved the qualifying company from complying with any requirement to submit any return or statement of accounts or to furnish any other information, under the Act.

(7) Where the qualifying company has been granted an exemption under subparagraph (1), any related company to the company is not entitled to be granted an exemption under subparagraph (1) in respect of the same qualifying activity.

Qualifying capital expenditure

4. (1) Subject to subparagraph (2), a qualifying capital expenditure referred to in this Order is the capital expenditure incurred by a qualifying company in relation to a factory, machinery or plant used in Malaysia solely for the purposes of carrying on a qualifying activity.

(2) The qualifying capital expenditure referred to in subparagraph (1) shall not include capital expenditure incurred on—

(a) any building which is used as living accommodation; or

- (b) any machinery or plant which is provided wholly or partly for the use of a director or an individual who is a member of the management or administration, or clerical staff, of that qualifying company.

Statutory income

5. (1) Subject to subparagraph (2), the statutory income referred to in subparagraph 3(1) in the basis period for each year of assessment shall be determined after deducting the allowances which fall to be made under Schedule 3 to the Act notwithstanding that no claim for such allowances has been made.

(2) Where a factory, machinery or plant is used for the purposes of a qualifying activity is also used for the purposes of an activity other than a qualifying activity, then the allowances which fall to be made under Schedule 3 to the Act shall be deducted as is reasonable having regard to the extent to which the factory, machinery or plant is used for the purposes of the qualifying activity.

(3) Where an exemption is granted to the qualifying company under subparagraph 3(1) for a year of assessment, an amount equal to the amount of the qualifying capital expenditure referred to in subparagraph 5(1) shall be exempted from tax for that year of assessment.

(4) Where, by reason of the absence or insufficiency of the statutory income of the qualifying company from the qualifying activity, exemption cannot be granted or cannot be granted in full as the qualifying company is entitled under subparagraph 3(1) for that year of assessment, then so much of the amount as cannot be exempt for that year of assessment shall be deemed to be a qualifying capital expenditure incurred for the purpose of subparagraph 3(1) for the first subsequent year of assessment and so on for subsequent years of assessment until such amount to which it is so entitled is exempted.

Disposal of factory, machinery or plant within five years

6. Where a qualifying capital expenditure is incurred by a qualifying company on a factory, machinery or plant used for the purposes of a qualifying activity and such factory, machinery or plant is disposed of at any time within the period of five years from the date of acquisition of the factory, machinery or plant, the exemption granted in respect of the amount of statutory income which is equal to the amount of allowance for such qualifying capital expenditure shall be withdrawn in the basis period for the year of assessment in which the factory, machinery or plant is disposed of.

Determination of qualifying capital expenditure for factory, machinery or plant disposed to related company

7. Where the qualifying company disposes to its related company any factory, machinery or plant in respect of which an exemption is applied by the qualifying company under this Order, the amount of the qualifying capital expenditure incurred by the related company shall be deemed to be a sum equal to zero.

Withdrawal of exemption

8. (1) The Minister may withdraw the exemption granted under subparagraph 3(1) if the qualifying company fails to comply with any condition imposed in relation to the exemption in any year of assessment within the exemption period.

(2) Where the exemption is withdrawn in accordance with subparagraph (1), the exemption granted in respect of any amount of the statutory income under subparagraph 3(1) shall be deemed to have not been granted to the qualifying company.

(3) Notwithstanding subparagraphs (1) and (2), where in any year of assessment within the exemption period, the qualifying company fails to comply with any condition imposed in relation to the exemption, paragraph 3 shall not apply.

Surrender of exemption

9. (1) The Minister may, at any time, except where the qualifying company fails to comply with any condition imposed in relation to the exemption, allow the qualifying

company to surrender the exemption granted under this Order by notice in writing to the Minister through the Malaysian Investment Development Authority.

(2) The surrender of the exemption shall have effect on the first day in the basis period for the year of assessment in which the application for surrender of the exemption is received by the Minister through the Malaysian Investment Development Authority.

Separate source and separate account

10. (1) Where a qualifying company carries on a qualifying activity and activity other than a qualifying activity, each activity shall be treated as a separate and distinct source of activity for the qualifying company.

(2) The qualifying company which is granted an exemption under subparagraph 3(1) shall maintain a separate account for the income derived from each activity referred to in subparagraph (1).

Non-application

11. This Order shall not apply to a qualifying company which in the basis period for a year of assessment—

- (a) has made a claim for reinvestment allowance under Schedule 7A to the Act or investment allowance for service sector under Schedule 7B to the Act;
- (b) has been granted any incentive under the Promotion of Investments Act 1986 in respect of the same qualifying activity;
- (c) has been granted an exemption under paragraph 127(3)(b) or subsection 127(3A) of the Act in respect of the same qualifying activity;
- (d) has been approved by the Minister an incentive scheme under any rules made under section 154 of the Act; or

(e) has made a claim for deduction under any rules made under section 154 of the Act except—

- (i) the rules in relation to allowance under Schedule 3 to the Act;
- (ii) the Income Tax (Deduction for Audit Expenditure) Rules 2006 [*P.U. (A) 129/2006*]; or
- (iii) the Income Tax (Deduction for Expenses in relation to Secretarial Fee and Tax Filing Fee) Rules 2020 [*P.U. (A) 162/2020*].

SCHEDULE
[Paragraph 2]

(1) No.	(2) Industry	(3) Non-qualifying activity
1.	Iron and steel	All products for iron and steel considered sensitive except products listed in the promoted activities or promoted products under the Promotion of Investments Act 1986 under the category of manufacture of iron and steel, and manufacture of non-ferrous metal and their products
2.	Machinery and equipment	Weapon and ammunitions
3.	Electrical	Electrical products supplied to generate power for consumption of Tenaga Nasional Berhad and Petronas such as

(1) No.	(2) Industry	(3) Non-qualifying activity
		general cables, wire harness, distribution boards, control panels, switching apparatus, transformers
4.	Beverages and tobacco	<p><i>(a)</i> Liquor and alcoholic beverages</p> <p><i>(b)</i> Tobacco and tobacco products including cigarette</p> <p><i>(c)</i> Beverages</p>
5.	Palm oil	Palm oil milling and refining
6.	Food manufacturing	<p><i>(a)</i> Production of food products that only involve mixing, blending and cooking such as sauces, paste, premix food products</p> <p><i>(b)</i> Sugar</p> <p><i>(c)</i> Pineapple canning</p>
7.	Paper, printing and publishing	<p><i>(a)</i> Paper-based packaging materials from waste paper except for coated duplex board</p> <p><i>(b)</i> Printing and publishing</p>

(1) No.	(2) Industry	(3) Non-qualifying activity
8.	Wood and wood products	Wood-based products including furniture, plywood, sawn timber and others
9.	Automotive or motor vehicle	<p><i>(a)</i> Remanufacturing or reconditioning or reassembly of motor vehicles and related components</p> <p><i>(b)</i> Non-energy efficient vehicle</p>
10.	Aerospace for military or defense application	Drones and rocket aerospace related products for military or defense application (Non-commercial segment)
11.	Petroleum	Refinery of crude petroleum oil
12.	Rubber	Passenger car tires
13.	Plastic	General plastic products such as plastic bags, bottles
14.	Construction	<p>Manufacturing of construction material except for the following products:</p> <p><i>(a)</i> Industrial Building System</p> <p><i>(b)</i> Panels</p> <p><i>(c)</i> Boards</p>

(1) No.	(2) Industry	(3) Non-qualifying activity
		<p><i>(d)</i> Tiles</p> <p><i>(e)</i> Blocks or similar articles of natural and synthetic fibre agglomerated with cement, plaster or other mineral binding substance</p>
15.	Textile	<p>Textiles products except for the following activities:</p> <p><i>(a)</i> Natural or man-made fibres</p> <p><i>(b)</i> Yarn of natural or man-made fibres</p> <p><i>(c)</i> Woven fabrics</p> <p><i>(d)</i> Knitted fabrics</p> <p><i>(e)</i> Non-woven fabrics</p> <p><i>(f)</i> Finishing of fabrics such as bleaching, dyeing and printing</p> <p><i>(g)</i> Specialised apparel</p> <p><i>(h)</i> Technical textiles or functional textiles and textile products</p>

(1) No.	(2) Industry	(3) Non-qualifying activity
16.	All	<p data-bbox="815 376 1342 412"><i>(a)</i> Recycling of any types of waste</p> <p data-bbox="815 488 1007 524"><i>(b)</i> Gloves</p>

Made 8 August 2023

[Perb.MOF.TAX(S)700-2/1/106; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-154; PN(PU2)80/JLD.109]

ANWAR BIN IBRAHIM
Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]